

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Anda diingatkan untuk membaca helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Kutipan Berdokumen. Anda dengan ini diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank (M) Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank (M) Berhad Kutipan Berdokumen Tarikh: 30 November 2023</p>												
<p><b>1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?</b></p> <p>Kutipan Berdokumen (“Kutipan”) ialah pengendalian dokumen menurut arahan yang diterima daripada Penjual yang memberikan kebenaran kepada bank Penjual (“Bank Pengirim”) untuk menghantar dokumen kepada bank Pembeli (“Bank Pemungut”) bagi: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memperoleh bayaran dan/atau penerimaan; atau</li> <li>• penghantaran dokumen bagi pembayaran dan/atau untuk penerimaan; atau</li> <li>• penghantaran dokumen di atas terma dan syarat yang lain.</li> </ul>													
<p><b>2. Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kutipan di Bank tersedia untuk Pembeli dan Penjual mengikut ciri-ciri berikut: -             <ol style="list-style-type: none"> <li>Pihak yang terlibat dalam Kutipan                 <table border="1" data-bbox="204 936 1359 1294"> <thead> <tr> <th>Pihak</th> <th>Istilah yang digunakan dalam Kutipan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penjual</td> <td>Prinsipal/ Penyuruh Bayar</td> </tr> <tr> <td>Bank Penjual</td> <td>Bank Pengirim</td> </tr> <tr> <td>Bank di negara Pembeli</td> <td>Bank Pemungut*</td> </tr> <tr> <td>Bank Pembeli</td> <td>Bank Penyerah*</td> </tr> <tr> <td>Pembeli/Pengimport</td> <td>Pesuruh bayar</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Mungkin pihak yang sama</i></p> </li> <li>Mata Wang: Ringgit Malaysia/Mata Wang Asing.</li> <li>Jenis: Dokumen terhadap Pembayaran (“D/P”), Dokumen terhadap Penerimaan (“D/A”)</li> <li>Skop: Domestik/Antarabangsa</li> <li>Tertakluk kepada peraturan <i>Uniform Rules for Collection</i>, No. Penerbitan 522 (“URC522”).</li> </ol> </li> <li>Jika anda merupakan Penjual, anda boleh memberi Bank kebenaran untuk menghantar dokumen perkapalan kepada Pembeli anda menerusi Kutipan (dikenali sebagai Kutipan Bil Keluar (“OBC”)) melalui Bank Pemungut/Bank Penyerah di negara Pembeli. Begitu juga sekiranya anda seorang Pembeli, anda boleh memberitahu Penjual anda untuk menghantar dokumen perkapalan kepada anda menerusi Kutipan (dikenali sebagai Kutipan Bil Masuk (“IBC”)) daripada Bank Pengirim melalui Bank.</li> <li>Kemudahan kredit tidak diperlukan untuk Kutipan.</li> <li>Boleh mendapatkan pembiayaan di bawah Pembelian Bil Keluar, Pembiayaan Invois atau Penerimaan Jurubank untuk Penjual dan pembiayaan di bawah Resit Amanah, Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing, Pembiayaan Invois atau Penerimaan Jurubank untuk Pembeli, tertakluk kepada kemudahan pembiayaan yang anda ada di Bank.</li> </ul>		Pihak	Istilah yang digunakan dalam Kutipan	Penjual	Prinsipal/ Penyuruh Bayar	Bank Penjual	Bank Pengirim	Bank di negara Pembeli	Bank Pemungut*	Bank Pembeli	Bank Penyerah*	Pembeli/Pengimport	Pesuruh bayar
Pihak	Istilah yang digunakan dalam Kutipan												
Penjual	Prinsipal/ Penyuruh Bayar												
Bank Penjual	Bank Pengirim												
Bank di negara Pembeli	Bank Pemungut*												
Bank Pembeli	Bank Penyerah*												
Pembeli/Pengimport	Pesuruh bayar												

### 3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?

#### Kutipan Bil Masuk ("IBC")

- Memberi nama & alamat Bank kepada Penjual supaya Penjual dapat memberikan maklumat tersebut kepada Bank Pengirim untuk memajukan dokumen perkapalan melalui Kutipan kepada Bank.
- Selepas pemberitahuan penerimaan IBC oleh Bank, anda perlu membalas segera dengan arahan bayaran untuk mendebit akaun anda untuk bil D/P atau penerimaan anda untuk bil D/A.

#### Kutipan Bil Keluar ("OBC")

- Memberi kebenaran dan arahan lengkap untuk pengendalian Kutipan dan dokumen untuk membolehkan Bank mengambil tindakan yang sewajarnya.
- Memastikan dana akaun anda mencukupi dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun anda di Bank untuk sebarang caj, komisen, yuran, belanja tunai langsung Bank berhubung pengendalian bil Kutipan.
- Memastikan untuk membawa balik hasil pengeksportan barangan dalam masa 6 bulan dari tarikh pengiriman, tertakluk kepada pengecualian yang mungkin dibenarkan dan diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada laman web rasminya di [www.bnm.gov.my/fep](http://www.bnm.gov.my/fep) dari semasa ke semasa.

### 4. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

#### Untuk IBC

No.	Yuran dan Caj	Tarif
1	Komisen	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM500 (Bil RM)
2	Yuran pengendalian untuk mengubah hala dokumen	RM50 sahaja
3	Yuran pengendalian tidak bayar atau tidak terima > 60 hari	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM500 (Bil RM)
4	Yuran pemegangan untuk dokumen > 60 hari	RM50 sahaja
5	Yuran pengendalian untuk bantahan	RM200 sahaja dan kos guaman Nota: Kos sebenar akan dikutip daripada Bank Pengirim terlebih dahulu sebelum diteruskan
6	Yuran pengendalian untuk pelepasan dokumen tanpa bayaran	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM500 (Bil RM)
7	Caj SWIFT	
	Untuk akaun Pelanggan	Dalam Malaysia: RM20 sahaja Di Luar Malaysia: RM40 sahaja
	Untuk akaun pihak niaga asing	Caj setara dengan USD20
8	Bayaran pemindahan (IBG/RENTAS)	RM2

#### Untuk OBC

No.	Yuran dan Caj	Tarif
1	Komisen	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM30 (Bil FCY); RM50 (Bil RM) Maksimum: RM80 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
2	Yuran pengendalian untuk pelepasan dokumen tanpa bayaran	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
3	Yuran pengendalian untuk dokumen yang dipulangkan selepas proses Kutipan	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)

4	Yuran pengendalian tidak bayar dan tidak terima > 60 hari	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY); RM300 (Bil RM)
5	Bayaran pemindahan (IBG/RENTAS)	RM2 sahaja
6	Bayaran Pos	Dalam Malaysia: RM5 sahaja Di Luar Malaysia: RM20 sahaja
7	Perkhidmatan kurier	Dalam Malaysia: RM15 sahaja. Di Luar Malaysia: Tertakluk pada destinasi.

Yuran atau caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk mana-mana cukai kerajaan yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Sekiranya kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas yuran atau caj disebabkan oleh pindaan undang-undang atau apa-apa faktor yang lain, Bank berhak mengubah atau menyemak semula jumlah wang yang perlu dibayar.

**5. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?**

- Untuk IBC, Bank tidak akan melepaskan dokumen sekiranya anda tidak membayar untuk bil D/P atau sekiranya anda tidak menerima bil pertukaran untuk bil D/A. Jika anda telah menerima bil pertukaran untuk bil D/A tetapi gagal membayar pembayaran pada tarikh matang, anda mungkin berhadapan tindakan bantahan oleh Penjual.
- Untuk OBC, anda mungkin tidak dapat memperoleh bayaran atau penerimaan daripada Pembeli.
- Berkenaan dengan hasil eksport barangan di bawah OBC yang tidak diterima dalam tempoh 24 bulan dari tarikh penghantaran, anda hendaklah memaklumkan Bank Negara Malaysia dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas akhir setiap tahun kalendar melalui [https:// bnm.my/fep](https://bnm.my/fep).

**6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Tidak berkenaan.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?**

- Tidak berkenaan.

**8. Apakah risiko utama?**

- Sebagai Penjual, anda menghadapi risiko tidak dibayar/tidak diterima oleh Pembeli anda dan mungkin terpaksa untuk menarik balik barangan anda atau mencari Pembeli baharu.
- Sebagai Pembeli, anda mungkin menerima barangan yang salah atau kurang bermutu selepas membuat bayaran/menerima bil pertukaran.
- Naik turun kadar pertukaran asing.
- Bank-bank tidak bertanggungjawab untuk menyemak dokumen anda.

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- Tidak berkenaan.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh menghubungi/memberi makluman secara bertulis kepada Pengurus Perhubungan masing-masing.

### 11. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Contact Centre  
No. Kotak Pejabat Pos 12617, 50784 Kuala Lumpur,  
Tel.: (603) 2178 8888  
E-mel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

- Sekiranya anda tidak berpuas hati terhadap penyelesaian ke atas pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel.: 1-300-88-5465  
Faks.: 03-2174 1515  
Laman web: [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK melalui:

Level 5 & 6,  
Menara Aras Raya  
(Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)  
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2616 7766  
E-mel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

### 12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran lanjut tentang manfaat, yuran dan caj produk, anda boleh melayari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com).

### 13. Lain-lain produk perdagangan lain yang tersedia: -

- |  |  |
|--|--|
| • Jaminan Bank                           | • Pembiayaan Invois                    |
| • Jaminan Bank Atas Kaunter              | • Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing |
| • Penerimaan Jurubank                    | • Pendahuluan Kredit Pembungkusan      |
| • Surat Kredit                           | • Resit Amanah Ringgit                 |
| • Kutipan/Pembelian/Rundingan Berdokumen | • Jaminan Perkapalan                   |
| • Pembiayaan Semula Kredit Eksport       | • Surat Kredit Tunggu Sedia            |

**PENTING!**

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah dari 30 November 2023 sehingga kemas kini yang seterusnya. Sila layari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) untuk mendapatkan maklumat terkini.

Semua kiraan dan kadar di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Saya/Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungjawab kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah daripada AmBank (M) Berhad.

.....

Nama:

Nombor Kad Pengenalan:

Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak .....

Nombor Pendaftaran:

.....

(Penandatanganan dibenarkan/ Pengarah)

Tarikh: